

Pandangan Terhadap Fahaman Politik Kepartian Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Dungun, Terengganu

*Views on Understanding of Partisan In The Bukit Besi State Constituency, Dungun,
Terengganu*

Wan Noor Intan Sofea Wan Abdul Hadi
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Politik kepartian berlaku di Malaysia dengan kewujudan pelbagai parti politik yang mewarnai kehidupan masyarakat. Pemahaman berbeza mengenai matlamat dan ideologi biasanya membabitkan parti pemerintah dan pembangkang. Politik perpaduan penting bagi proses pembinaan negara dilakukan dengan lebih baik tanpa sebarang gangguan sosial. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis fahaman politik kepartian dalam kalangan pengundi di kawasan DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian mendapati 80 peratus mengetahui maksud fahaman politik kepartian. Responden mengetahui tentang fahaman politik kepartian memandangkan mereka mempunyai pengetahuan politik yang mendalam dan mempunyai kesedaran bahawa fahaman setiap parti mendatangkan banyak kebaikan terutamanya dalam pemilihan parti yang betul-betul layak ketika pilihan raya. Seterusnya, 78 peratus responden berpendapat bahawa fahaman politik kepartian adalah penting dan harus ada dalam diri seseorang manakala 22 peratus lagi responden menyatakan sebaliknya. Responden bersetuju kerana bagi mereka fahaman politik kepartian adalah penting dalam membantu serta menentukan pilihan mereka dalam pilihan raya. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya dan diharap menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.

Kata kunci: *Politik kepartian, parti politik, pengundi, pilihan politik, fahaman*

ABSTRACT

Partisan in Malaysia with the existence of various political parties that color the life of society. Different understandings of goals and ideologies usually involve the ruling and opposition parties. The politics of unity is important for the nation-building process to be done better without any social disruption. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze understanding of partisan among voters in the Bukit Besi state constituency, Dungun, Terengganu. This study uses field data collection methods involving questionnaires, interviews and field observations. Data analysis techniques were used using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. The results of the study found that 80 percent knew the meaning of party politics. Respondents know about the political ideology of the party as they have in-depth political knowledge and have the awareness that the ideology of each party brings many benefits especially in the selection of a truly deserving party during the election. Next, 78 percent of respondents think that party politics is important and should be present in a person while another 22 percent of respondents stated otherwise. Respondents agreed because for them, party politics is important in helping and determining their choices in elections. In conclusion, this study is important because it can increase knowledge, add data related to electoral political studies and is expected be a reference for political parties and the government to examine issues and problems that occur to be more aware in meeting the needs of the community.

Keywords: *Partisan, political parties, voters, political choice, understanding*

1. Pengenalan

Di Malaysia, telah wujudnya banyak parti politik kerana variasi etnik yang pelbagai. Perbezaan fahaman politik kepartian dalam kalangan pengundi boleh berlaku apabila mereka mempunyai pemahaman yang berbeza mengenai matlamat dan ideologi yang biasanya membabitkan parti pemerintah dan pembangkang. Fenomena politik di Malaysia menjadi isu yang menarik untuk dibincangkan dalam komuniti masyarakat pada masa kini iaitu salah satunya membabitkan isu perbezaan fahaman politik lebih-lebih lagi dengan kewujudan pelbagai parti politik yang mewarnai landskap kehidupan masyarakat. Negara yang harmoni dapat memastikan pembangunan dapat dilaksanakan dan kemajuan yang diidamkan tercapai. Namun, pertikaian antara parti pemerintah dan pembangkang boleh dikatakan berlaku sepanjang tahun dan ia menjadi lebih hebat menjelang Pilihan Raya Kecil dan kemuncaknya pada Pilihan Raya Umum.

Menurut Awang Azman (2020), konflik yang tercetus ini boleh terjadi akibat politik kebencian yang ditimbulkan oleh ahli politik dan ini boleh mendatangkan ancaman kepada perpaduan kaum. Perbezaan fahaman politik antara mereka mendorong berlakunya pertikaian sesama parti politik akibat mempertahankan kepentingan dan hak parti masing-masing, misalnya apabila berlakunya pembahagian kerusi pilihan raya (Mior Kamarul 2015). Kecenderungan politik dalam diri setiap individu mungkin berpunca daripada pengaruh keluarga, persekitaran, penglibatan dalam organisasi dan sebagainya. Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai bagaimana situasi perbezaan fahaman politik kepartian berlaku dalam kalangan pengundi dalam menentukan pendirian politik mereka. Justeru itu, objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji fahaman politik kepartian di kawasan DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu.

2. Sorotan Literatur

2.1 *Politik luar negara*

Menurut James, Andrei & Vladimir (1995), kajian politik di Moscow yang berkaitan isu, bidang dan pemerintahan tempatan menjelaskan populasi sampel diambil dari tiga kawasan di Moscow yang mewakili struktur kelas sosial elit, kelas bawah dan pusat kota. Tinjauan adalah mengenai sikap dan pendapat mereka mengenai masalah kualiti hidup dan pemerintahan. Pilihan dan pendapat politik mengenai pemerintahan tempatan ditetapkan dalam konteks reaksi terhadap proses reformasi ekonomi dari segi kesan terhadap keadaan material kehidupan seharian di Moscow.

Seterusnya, kajian ‘Knowledge Gaps, Belief Gaps, Ideology and Culture Wars’ oleh Gaziano (2013) pula menjelaskan perpecahan ideologi dan kepartian yang berlaku semakin membahagi Amerika Syarikat menjadi puak yang menentang. Artikel ini membincangkan kerangka teori untuk penyelidikan mengenai jurang pengetahuan dan kepercayaan untuk lebih memahami peningkatan jurang antara konservatif dan liberal.

2.2 *Politik Malaysia*

Bagi kajian politik pilihan raya Malaysia, Afiqah et al. (2015) menjelaskan kesan penggunaan media sosial terhadap perpaduan ummah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini secara khususnya adalah untuk membincangkan bagaimana fahaman politik yang berlainan di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia boleh memberi kesan terhadap perpaduan “Ummah”. Pada hari ini, kita boleh melihat kesan media sosial bukan sahaja memberikan kesan positif kepada masyarakat malah ia telah memberikan impak buruk dimana masyarakat mulai berpecah kerana perbezaan fahaman politik. Perpaduan ummah di negara ini semakin hari semakin pudar kerana budaya fahaman politik yang berteraskan dendam dan benci.

Menurut Daimin (2013) dalam kajian mengenai peranan komunikasi visual dalam perpaduan Melayu menghuraikan bahawa secara umumnya, kebanyakan parti politik utama yang wujud di Malaysia adalah didokongi oleh orang Melayu atau Bumiputera. Misalnya, UMNO sememangnya parti yang dimiliki oleh kaum Melayu manakala PAS pula dimiliki oleh kaum Melayu. Namun begitu, kedua-dua parti terbesar kepunyaan orang Melayu ini mempunyai sejarah tersendiri terutamanya dari segi jalinan ukhuwah atau persahabatan. Jalinan ukhuwah adalah tidak begitu baik dek perbezaan fahaman politik semenjak dahulu sehingga sekarang.

2.3 *Politik Terengganu*

Menurut Junaidi et al. (2016) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan DUN Manir, Terengganu menunjukkan bahawa faktor idealisme atau fahaman keislaman dan perkauman Melayu yang kuat dan sehati, ketokohan calon, faktor sosiologi atau kekeluargaan, faktor anak tempatan, faktor kekuatan jentera parti dan faktor isu semasa dan setempat mempengaruhi sokongan pengundi kepada PAS dan BN/UMNO mengikut kawasan Daerah Mengundi tertentu. Bilangan pengundi di kawasan DUN Manir ini yang tidak terlalu ramai (tidak lebih 15,000 orang pengundi pada PRU 2014), lebih ramai bersikap partisan turun-temurun dalam keluarga masing-masing serta pengundi atas pagar yang agak minimum menyebabkan jentera parti berkempen

untuk mengukuhkan sokongan ahli parti sahaja. Meskipun kawasan DUN Manir dimenangi PAS terus-menerus sejak PRU 1990-2013 iaitu selama 6 penggal berturut-turut namun dengan majoriti yang kurang 500 undi setiap pilihan raya tersebut (kecuali PRU 1999 dan 2013) membuktikan kawasan ini masih mampu sama ada kekal dimenangi PAS ataupun masih dapat ditawan oleh BN/UMNO.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 *Tatacara pengumpulan data*

Pengkaji menggunakan data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kaedah pengumpulan data dilakukan melalui kerja lapangan yang melibatkan pengumpulan borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Satu set borang soal selidik yang berbentuk soalan terbuka dan soalan tertutup telah diedarkan untuk mendapatkan maklumat iaitu seramai responden telah dipilih dimana seramai 25 orang responden di kawasan bandar iaitu Bukit Besi dan 25 orang responden lagi di kawasan luar bandar iaitu Nerang.

Kajian yang dilakukan turut menggunakan kaedah temu bual dengan menyediakan satu set borang temu bual bagi mendapatkan maklumat balas tentang kajian yang dikaji. Setiap soalan yang dibekalkan mengandungi persoalan terbuka dan memerlukan pendapat dari responden yang dikaji. Teknik temu bual ini dijalankan terhadap empat orang yang berlainan parti untuk mendapatkan persepsi dan pandangan mereka terhadap politik. Menurut Patton (1990), terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Temu bual ini dilakukan di Pejabat Parti Politik, rumah dan juga kedai kopi.

Seterusnya, pemerhatian juga dilakukan oleh pengkaji bagi menguatkan lagi ketepatan maklumat dan memberi sokongan mengenai kajian yang dilakukan. Kaedah pemerhatian ini terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian penglibatan dan pemerhatian secara temu bual. Dengan itu, pemerhatian yang dilakukan akan membantu pengkaji untuk melihat dan merasa sendiri ragam yang ditonjolkan oleh penduduk di kawasan DUN Bukit Besi serta memudahkan lagi menjalankan penyelidikan.

Selain itu, pengkaji turut mendapatkan maklumat menerusi data Statistik Pengundi yang merangkumi aspek kaum, jantina dan juga umur. Rujukan Score Sheet Keputusan PRU 2018 mengikut saluran dan daerah mengundi juga dilakukan bagi mengukuhkan lagi kajian ini. Data statistik yang diperolehi adalah daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Dengan itu, data statistik ini membolehkan pengkaji melihat dan meneliti keputusan di setiap kawasan DUN seterusnya boleh mengetahui jumlah dan kaum terkini dalam daftar pemilih.

Data sekunder pula merujuk kepada data yang telah diolah atau diperolehi dari sumber lain seperti majalah, akhbar dan lain-lain. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dalam mendapatkan maklumat yang terdiri daripada data dan rekod seperti bancian penduduk, laporan politik Malaysia, laporan politik Terengganu dalam bentuk bahan seperti buku, jurnal, foto dan laporan akademik. Pengkaji melakukan kaedah kajian ke perpustakaan iaitu di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL).

Kaedah kajian atas talian turut digunakan bagi memudahkan pencarian maklumat mengenai kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam mendapatkan maklumat tambahan dimana diambil dari sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Sebagai contoh, kajian atas talian atas talian seperti e-akhbar, blog, laman sesawang, Instagram, Facebook, Youtube, Skype,

Twitter dan Whatsapp. Sememangnya, maklumat atas talian lebih mudah diperoleh di samping lebih terkini berbanding dalam bentuk salinan keras (hardcopy).

3.2 Analisis data


Teknik menganalisis data digunakan pengkaji menerusi *Statistical Package for Social Science* (SPSS) bagi menganalisis data dan maklumat yang diperolehi dari borang soal selidik. SPSS merupakan paket program yang berguna untuk menganalisis data statistik dimana dapat digunakan untuk semua fail data dan membuat laporan dalam bentuk taburan, grafik dan plot. Kajian ini menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data daripada 50 borang soal selidik yang diedarkan.

3.3 Kawasan kajian

Sejarah Bukit besi ini bermula dari sebuah bandar kecil dalam Daerah Dungun, Terengganu, Malaysia dan mendapat nama hasil dari aktiviti perlombongan bijih besi di situ pada suatu ketika dahulu. Sejarah kegiatan perlombongan bijih besi di Bukit Besi bermula apabila seorang ahli kaji bumi dari Jepun, Mr Kuhara datang ke Cemuak, Ulu Dungun pada tahun 1916 dimana beliau mendapati terdapat kandungan bijih besi dengan jumlah yang besar di kawasan tersebut. Pada zaman dahulu juga, terdapat jajaran landasan keretapi dari Bukit Besi ke Jeti Sura, Dungun untuk membolehkan syarikat Jepun mengangkut bijih besi untuk dieksport. Syarikat mengeksport bijih timah tersebut ke Jepun melalui Sura, Kuala Dungun, Terengganu.

Lokasi DUN Bukit Besi terletak di dalam kawasan Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) termasuk dalam jajaran Lebuh Raya Jerangau – Jabor dan terletak 33 kilometer dari Bandar Dungun dan 77 kilometer daripada Kuala Terengganu. Lokasi ini menjadi antara tumpuan pelancong terutama dari luar negara untuk melihat dari dekat tinggalan terowong, rumah penginapan, semaian timah dan cerobong kilang. Bukit Besi telah meninggalkan beberapa artifak sejarah yang menjadi aset penting dalam industri pelancongan seperti chimney, stock pile, washing plant, tin plant, crushing plant, tempat menyimpan bahan letupan dan sebahagian daripada kuarters masih tersergam hingga ke hari ini, walaupun telah mengalami berbagai kerosakan.

Perlombongan bijih besi di Bukit juga sedang dimajukan oleh KETENGAH sebagai kawasan rekreasi yang menarik. Tasik Puteri merupakan sebuah tasik buatan manusia yang dihasilkan daripada peninggalan lombong bijih besi. Tasik ini dahulunya lombong bijih kini bertukar menjadi pusat rekreasi utama bagi penduduk yang tinggal di kawasan berdekatan yang memiliki keluasan seluas 131 hektar. Di tebing sebelah barat tasik ini terdapat sebuah kawasan padang golf iaitu Tasik Puteri Golf Club. DUN Bukit Besi mempunyai 13 kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1).



RAJAH 1. Peta kawasan DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta Parlimen Dungun, Terengganu, SPR 2018

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Pengetahuan Mengenai Maksud 'Fahaman Politik Kepartian'*

Umumnya, Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen menyebabkan politik menjadi salah satu elemen penting dalam kehidupan masyarakat. Namun begitu, fahaman politik kepartian dilihat masih menebal sehingga mampu menjejaskan suasana politik yang aman dan toleransi. Di Malaysia, fahaman politik kepartian berlaku kerana kewujudan pelbagai parti politik yang mempunyai pemahaman masing-masing mengenai matlamat serta ideologi yang kebiasaannya membabitkan parti pemerintah dan pembangkang.

Hasil kajian menunjukkan pengetahuan tentang maksud fahaman politik kepartian dalam kalangan pengundi di kawasan kajian mendapati bahawa 80 peratus mengetahui maksud fahaman politik kepartian. Responden mengetahui tentang fahaman politik kepartian memandangkan mereka mempunyai pengetahuan politik yang mendalam dan mempunyai kesedaran bahawa fahaman setiap parti mendatangkan banyak kebaikan terutamanya dalam pemilihan parti yang betul-betul layak ketika pilihan raya. Tambahan pula, pengetahuan fahaman politik kepartian dianggap mendorong masyarakat mampu untuk memahami dan menilai sendiri

setiap ideologi dan fahaman yang dibawa setiap parti bagi membuat keputusan yang baik untuk negara. Dapatan kajian ini selaras dengan konsep pengetahuan politik oleh Alfred Apsler (1975) yang menyatakan pengetahuan politik merangkumi ilmu mengenai institusi pemerintah dan pola perilaku politik yang mengkaji bagaimana kekuatan politik boleh berkembang dan bagaimana proses pengambilan keputusan berlangsung.

Namun begitu, terdapat segelintir pengundi yang tidak mengetahui tentang maksud fahaman politik kepartian iaitu sebanyak 20 peratus. Hal ini berlaku kerana mereka tidak mengambil peduli tentang politik kerana bagi mereka politik negara menggunakan undang-undang yang sama tetapi tidak sedar bahawa undang-undang yang ada boleh diubah sekiranya mendapat persetujuan menteri kabinet dengan persetujuan Yang Dipertua Agong (YDPA). Selain itu, faktor yang menyebabkan sebilangan responden tidak tahu mengenai fahaman politik kepartian juga adalah disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan mendalam berkaitan istilah yang wujud dalam konteks politik di Malaysia. Ringkasnya, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui maksud fahaman politik kepartian kerana mereka sedar bahawa fahaman yang dibawa setiap parti adalah penting dalam menentukan pilihan yang sesuai dan layak untuk memerintah negara.

Dapatan kajian menjelaskan responden yang mengetahui maksud fahaman politik kepartian menyatakan ia merupakan fahaman ideologi dan perjuangan sesebuah parti politik dimana merupakan sesuatu kepercayaan yang menjadi asas kepada tingkah laku seseorang. Ia boleh dikaitkan dengan domain yang dapat mempengaruhi tingkah laku pengundi iaitu berkaitan isu dan dasar yang merujuk kepada kepercayaan peribadi pengundi mengenai pendirian sesebuah parti politik dalam hal ekonomi, sosial dan dasar luar. Dalam konteks politik, sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi akan memperlihatkan parti-parti politik menjadi elemen utama mempengaruhi keputusan pengundi dalam pilihan raya. Fahaman politik kepartian menyampaikan sesebuah fahaman ideologi termasuklah hak dan kepentingan yang boleh dipegang dan dipercayai oleh setiap individu inilah akan mempengaruhi tingkah laku pengundi menetapkan pendirian mereka kepada sesuatu parti politik.

Seterusnya, fahaman politik kepartian dianggap sebagai sesuatu yang mewujudkan golongan yang berpuak-puak dan tiada kesepakatan dalam kehidupan bermasyarakat. Ideologi politik dan pandangan yang berbeza menyebabkan sebilangan masyarakat hidup berpuak-puak dan tidak bercakap antara satu sama lain disebabkan pertentangan isu politik yang berlaku di sekeliling mereka. Sebagai contoh, parti politik utama seperti UMNO dan PAS walaupun keduanya dimiliki oleh kaum Melayu namun masih dilihat sukar mencapai kata sepakat sesama mereka. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian oleh Ghazali (2013) yang menjelaskan bahawa jalinan ukhuwah antara kedua-dua parti terbesar kepunyaan orang Melayu ini tidak begitu baik disebabkan perbezaan fahaman politik semenjak dahulu sehingga sekarang. Keadaan ini membimbangkan kerana masyarakat sepatutnya mengekalkan hubungan yang baik dan mempunyai kata sepakat yang kukuh dalam menjaga keharmonian dan kepentingan secara bersama dalam semua keadaan termasuklah aspek politik.

Di samping itu, fahaman politik kepartian dikenali sebagai kefahaman seseorang individu atau pengundi terhadap sesebuah parti politik. Rakyat akan memahami dan mampu menilai sendiri ideologi atau agenda yang diperkenalkan sesebuah parti politik yang akan dijadikan dasar kerajaan untuk diamalkan oleh rakyat. Dengan pengetahuan yang cukup terhadap parti politik, dapat membantu pengundi menentukan pilihan parti yang betul-betul sesuai di mata mereka dalam pilihan raya. Misalnya, kefahaman terhadap manifesto yang diperkenalkan setiap parti

politik dapat difahami oleh pengundi dari segi pelbagai aspek seperti mengutamakan hak dan kebajikan rakyat.

Selain itu juga, responden turut memberi pendapat bahawa fahaman politik kepartian merupakan kepercayaan pengikut terhadap sesebuah parti politik. Fahaman politik yang dibawa setiap parti akan mendorong rakyat untuk memberikan kepercayaan sepenuhnya sehingga mereka berpegang teguh kepada parti yang disukai masing-masing. Ideologi serta matlamat setiap parti boleh menjadi asas kepada rakyat untuk berfikir seterusnya membolehkan tahap kepercayaan terhadap fahaman politik dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Hal ini dilihat, kepercayaan pengikut terhadap sesebuah parti politik berdasarkan pemahaman mereka menjadi penunjuk arah yang mampu membimbing rakyat membuat keputusan bijak dalam pilihan raya.

Di samping itu, fahaman politik kepartian dianggap apabila berlakunya situasi yang memihak kepada satu parti sahaja yang menjelaskan segelintir rakyat yang mempunyai fahaman politik ini akan percaya dan taksud kepada parti pilihan sahaja tanpa menghiraukan fahaman politik parti yang tidak sehaluan dengannya. Sebagai contoh, sikap berpendirian teguh terhadap satu parti politik menyebabkan seseorang itu tidak mempercayai untuk menerima pandangan dari pihak yang mempunyai fahaman yang berbeza dan bertentangan. Ringkasnya, pengetahuan maksud fahaman politik kepartian dalam kalangan responden di kawasan kajian menjelaskan pandangan masing-masing berdasarkan pemahaman sendiri terhadap situasi politik yang berlaku di sekeliling mereka.

Menurut Dato' Haji Din Adam (Ketua UMNO Bahagian Dungun dan Calon BN Parlimen Dungun, Terengganu PRU-14), beliau menyatakan bahawa:

“Fahaman politik kepartian ini berteraskan kepada sesebuah parti politik itu sendiri. Parti besar yang dikuasai oleh orang Melayu, yang pertama adalah UMNO. UMNO adalah parti utama yang menguasai negeri dan negara mengikut sejarah dan pengalamannya. Kerajaan menjadi teras kepada parti ini dan bagi beliau, parti politik mempunyai hala tuju masing-masing, misalnya parti UMNO adalah untuk membangunkan agama, bangsa dan negara. Kita harus mendalami bagaimana parti ini membangunkan agama, bangsa dan negara. Seterusnya, parti PAS iaitu parti politik kedua yang dimiliki orang Melayu, berteraskan kepada perjuangan Islam. Maka, setiap parti membawa pengaruh masing-masing dalam menetapkan fahaman politik kepartian dalam diri setiap pengundi. Pengundi akan menilai sendiri fahaman politik setiap parti politik berdasarkan kerelevanan perjuangan parti sesuai dengan situasi semasa hari ini. Seterusnya, parti BERSATU yang merupakan serpihan parti UMNO dan menjadi teras kebencian UMNO. Namun, tetap ada yang menyokong kerana masing-masing mempunyai fahaman politik kepartian yang tersendiri”.

(Dato' Haji Din Adam, 29 November 2020).

Menurut YB Roslee Daud (ADUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa:

“Seperti yang kita tahu, parti UMNO memperjuangkan nasib agama, bangsa dan negara. PAS pula membawa al-Quran dan Hadis serta ulama yang memperjuangkan Islam. Bagi saya, fahaman politik kepartian ini adalah dilihat menerusi ideologi parti yang difahami dalam kalangan rakyat. Di Bukit Besi ini, parti UMNO masih lagi diterima baik oleh rakyat walaupun dari segi ideologi politik parti yang berbeza tetapi khususnya di kawasan ini pengundi masih lagi berpihak kepada perjuangan parti UMNO berbanding parti lain.

Maka, ideologi yang dibawa setiap parti politik akan mempengaruhi pengundi untuk mempunyai fahaman politik kepartian mengikut pemahaman dan penilaian masing-masing”.

(YB Roslee Daud, 30 November 2020).

Menurut Encik Mohd Arfan Tahir (Pengerusi MPKK Jerangau, Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa:

“Fahaman politik kepartian adalah pendirian seseorang terhadap sesebuah parti politik tertentu yang mana mereka terlalu taksab kepada parti politik ini dan menyokong dengan bersungguh-sungguh tanpa melihat kepada parti politik yang lain. Kecenderungan mereka terhadap fahaman politik kepartian parti tertentu yang terlalu menebal sememangnya mampu menimbulkan ketidaksefahaman dalam komuniti masyarakat di sesebuah kawasan. Mereka hanya merasakan hanya fahaman mereka sahaja yang betul dan memandang serong kepada parti politik yang lain”.

(Encik Mohd Arfan Tahir, 9 Disember 2020).

4.2 *‘Fahaman Politik Kepartian’ Adalah Penting Dan Perlu Ada Dalam Diri Seseorang*

Sejak pasca kemerdekaan lagi, keamanan dan keharmonian kehidupan masyarakat di Malaysia terbentuk daripada pelbagai budaya, agama, etnik dan kaum disebabkan oleh kuasa politik yang memerintah. Ia dapat dilihat dengan adanya parti politik seperti UMNO, PAS dan PH yang merupakan satu pertubuhan politik utama yang mempunyai ideologi dan agenda tersendiri dalam kalangan ahlinya. Kefahaman yang dibawa setiap parti politik ini sememangnya memberi pengetahuan yang jelas kepada masyarakat di samping membantu mewujudkan negara yang lebih aman dalam mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di negara ini.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, 78 peratus responden berpendapat bahawa fahaman politik kepartian adalah penting dan harus ada dalam diri seseorang manakala 22 peratus lagi responden menyatakan sebaliknya. Responden bersetuju kerana bagi mereka fahaman politik kepartian adalah penting dalam membantu serta menentukan pilihan mereka dalam pilihan raya. Hal ini dilihat apabila rakyat bukan sekadar mengundi individu malahan turut memilih bagaimana perjuangan sesebuah parti yang dirasakan sesuai untuk memerintah negara. Contohnya, mereka melihat ciri-ciri penting idealisme perjuangan parti politik termasuklah menghayati perjuangan parti, istiqamah dengan perjuangan dan meletakkan parti di atas kepentingan sendiri.

Selain itu, responden yang tidak menganggap fahaman politik kepartian itu penting dan perlu ada dalam diri seseorang disebabkan mereka tidak mengamalkan politik yang berlebihan dengan lebih mengutamakan kerjasama dan saling-hormat-menghormati demi mewujudkan keharmonian negara lebih-lebih lagi kehidupan masyarakat di tempat tinggal mereka. Bagi mereka, mempunyai fahaman politik kepartian tidak mendatangkan manfaat malahan boleh menimbulkan persepsi negatif seperti berlakunya syak wasangka dan sangsi antara satu sama lain sehingga mencetuskan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Konklusinya, responden di kawasan kajian beranggapan fahaman politik kepartian adalah penting dan harus ada dalam diri seseorang supaya mereka dapat membuat keputusan yang tepat selari dengan kefahaman masing-

masing ketika pilihan raya dan kajian ini selari dengan teori tingkah laku pengundian yang menjelaskan faktor yang mempengaruhi pilihan undi rakyat.

Seterusnya, hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor responden setuju dan tidak setuju bahawa fahaman politik kepartian itu penting dan perlu ada dalam diri seseorang. Antara faktor mereka bersetuju adalah kerana menganggapnya penting kepada setiap individu bagi memilih sesebuah parti politik yang dipercayai untuk memimpin dan mentadbir negara dengan baik dan telus. Hal ini demikian kerana fahaman politik yang dibawa setiap parti politik akan mendorong pengundi memilih parti yang disukainya berdasarkan keutamaan dalam menjaga kepentingan dan kebajikan yang diperjuangkan parti masing-masing. Misalnya, responden yang berpegang teguh kepada fahaman asas perjuangan agama Islam akan lebih menyokong PAS.

Faktor berikutnya adalah disebabkan fahaman politik kepartian ini mampu mendorong pengundi menetapkan pendirian masing-masing hasil dari maklumat yang berlandaskan mesej politik yang disampaikan dari setiap parti politik. Sekiranya mereka mendalami dengan baik tentang fahaman yang disampaikan mereka tidak akan keliru dan lebih yakin terhadap pilihan parti mereka. Contohnya, fahaman politik setiap individu menerusi parti politik di negara ini baik BN, PAS mahupun PH yang mana dilihat lebih mengutamakan dan menunaikan segala hak rakyat akan lebih dipilih oleh mereka.

Selain itu, responden bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana menganggap dengan adanya fahaman politik kepartian, ia akan seiring dengan pendirian mereka yang berpegang kepada satu parti yang disokong sahaja dan hal ini akan memberi kepuasan pada diri seseorang. Ini kerana sebagai pengundi, mereka mempunyai hak dan kriteria calon yang mereka akan pilih berdasarkan fahaman politik masing-masing seterusnya setiap parti politik yang bertanding akan dinilai dan diteliti oleh pengundi mengikut pemahaman mereka sebelum memuktamadkan keputusan.

Di samping itu, fahaman politik kepartian juga dianggap penting memandangkan setiap individu perlu tahu terlebih dahulu fahaman yang dibawa oleh setiap parti politik sebelum menyokongnya dalam pilihan raya. Ini penting dalam memastikan mereka dapat memilih parti yang selayaknya dalam memerintah negara dengan memperjuangkan hak dan kepentingan yang diperlukan rakyat. Misalnya, mereka yang terbabit akan sentiasa berada pada posisi berlandaskan fahaman parti politik tertentu sahaja kerana beranggapan parti itu sahaja yang dirasakan layak membentuk kerajaan. Malahan, sekiranya tiada fahaman politik kepartian secara tidak langsung akan menyebabkan pengundi tidak boleh membuat keputusan secara bijak dan rasional.

Berikutnya, fahaman politik kepartian dianggap penting disebabkan responden berpendapat dengan adanya fahaman politik dalam diri seseorang akan boleh mengubah sokongan mengikut keadaan semasa politik negara. Sebagai contoh, isu semasa seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB), cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan kos sara hidup tinggi menyebabkan penyokong BN-UMNO beralih sokongan kepada parti yang menjelaskan fahaman politik kepartian yang menjanjikan manifesto yang lebih kukuh dan baik ketika itu. Ia dapat dilihat apabila situasi tersebut telah berjaya mengubah persepsi rakyat yang akhirnya memberi kelebihan kepada PH untuk menang pada PRU-14, 2018.

Dapatan kajian juga mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong responden menyatakan tidak setuju bahawa fahaman politik kepartian itu penting dan mesti ada dalam diri seseorang. Ini kerana mereka beranggapan ia mampu menyebabkan perpecahan berlaku dalam kalangan masyarakat dimana fahaman politik kepartian dilihat menjadi perkara utama yang mencabar semangat perpaduan dan setia kawan. Misalnya, perbezaan fahaman politik di negara

ini menyebabkan perpecahan berlaku sehingga sanggup berperang sesama sendiri walaupun tidak menggunakan senjata, bukan dari segi agama tetapi dari segi fahaman politik yang mempengaruhi ahli-ahlinya (Malaysiakini 2011). Maka, jelaslah semata-mata untuk menjayakan fahaman politik parti masing-masing sanggup bergaduh sesama ahli keluarga serta masyarakat setempat.

Seterusnya, boleh menyebabkan seseorang itu menjadi fanatik dan taksub kepada parti politiknya sahaja sehingga mendorong sikap terlalu taksub kepada parti politik tertentu ini menyebabkan politik Malaysia sering diwarnai dengan insiden tidak matang. Sebagai contoh, berlakunya politik tuduh-menuduh, fitnah-memfitnah serta sabotaj antara parti politik yang menghiasi media massa mahupun elektronik sehingga mampu menggugat ekonomi negara kerana pelabur asing enggan melabur di negara ini. Sekiranya sikap fanatik dan taksub ini terlalu kuat terhadap semangat kepartian, dikhuatiri akan mengubah matlamatnya dari memperjuangkan kepentingan rakyat kepada memperjuangkan parti.

Di samping itu, fahaman politik kepartian didapati juga menyebabkan seseorang sanggup mengetepikan kepentingan bersama. Sikap penduduk yang terlalu percaya terhadap fahaman politik kepartian sehingga secara tidak sedar mengabaikan budaya serta amalan toleransi yang menjadi platform terbaik dalam memupuk perpaduan dalam kalangan berbilang kaum di Malaysia. Misalnya, budaya gotong-royong yang menjadi amalan masyarakat di kampung dibimbangi semakin terjejas disebabkan sikap segelintir masyarakat yang membataskan penglibatan mereka disebabkan pengaruh fahaman politik.

Akhir sekali, faktor tidak setuju disebabkan responden berpendapat bahawa fahaman politik kepartian boleh mewujudkan unsur perkauman atau rasisme. Ini kerana perbezaan fahaman politik kepartian menyebabkan mereka terlalu berpegang kepada parti pilihan sahaja sehingga memandang hina kepada pihak yang tidak sehaluan dengannya. Hal ini dilihat apabila mereka terpengaruh dengan ahli politik yang bijak memainkan emosi berapi-api serta menyampaikan cerita separa benar mengenai sesuatu isu politik yang sedang melanda di samping memutar-belitkan fakta semata-mata untuk karier politik sendiri. Rakyat secara tidak sedar akan terus percaya perkara yang tidak pasti kesahihannya sehingga tidak mempercayai dan menanam sifat kebencian kepada pihak yang tidak sehaluan dengan pemahaman mereka. Kesimpulannya, faktor setuju dan tidak setuju dipengaruhi pengetahuan responden dalam mendalami kepentingan fahaman politik kepartian dalam kehidupan masyarakat dan negara.

4.3 Faktor Yang Menyebabkan Wujudnya Perbezaan Fahaman Politik Kepartian

Dalam konteks politik, banyak faktor yang menyebabkan kewujudan perbezaan fahaman politik kepartian dalam kehidupan manusia hari ini. Walaupun politik dilihat banyak memberi kebaikan kepada kehidupan terutamanya dalam memelihara hak manusia namun secara tidak sedar kemunculan pelbagai parti politik di negara ini bukan sahaja mewujudkan amalan demokrasi tetapi turut menjurus kepada wujudnya perbezaan fahaman politik kepartian. Sememangnya, sistem demokrasi berparlimen turut menyumbang suasana politik yang aman antara parti serta mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni tetapi turut tergugat akibat wujudnya perbezaan fahaman politik kepartian.

Hasil kajian menunjukkan pendapat responden terhadap faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan fahaman politik kepartian adalah disebabkan perbezaan kemahuan dan pendapat terhadap sesebuah parti politik. Hal ini kerana mereka terlalu mementingkan dan

memandang dari pandangan mereka sahaja tanpa usul periksa sehingga memandang serong terhadap fahaman politik parti lain yang berbeza. Misalnya, alasan yang hangat digunakan pada suatu ketika dahulu oleh penyokong PAS bagi menentang kerjasama politik dengan UMNO adalah dakwaan perbezaan ideologi, PAS dikatakan berideologi Islam manakala UMNO didapati lebih ke arah bersemangat kebangsaan (Kamarul Zaman 2016). Dengan ini, perbezaan pemahaman terhadap dua parti inilah yang mendorong timbulnya fahaman politik kepartian berbeza akibat perselisihan pendapat terhadap ideologi yang dibawa setiap parti.

Di samping itu, bagi mereka berlakunya pandangan yang berbeza dalam kalangan ahli politik telah mewujudkan perbezaan fahaman politik kepartian. Ini disebabkan segelintir mereka tidak boleh menerima pandangan berbeza walaupun amalan demokrasi di negara menjelaskan konsep mengikut majoriti dimana demokrasi bukan bermakna paksaan kehendak semata-mata malahan menjadi satu bentuk muafakat serta perlu bersedia menerima dan menghormati keputusan. Hal ini berlaku ekoran terdapat pandangan dan keluhan ahli politik yang mengambil kesempatan sehingga bijak memanipulasi keadaan untuk kepentingan peribadi terhadap mana-mana pihak. Konflik politik akan berlaku apabila adanya perbezaan pendapat walaupun mereka mempunyai hala tuju yang sama tetapi menggunakan cara yang berbeza, dimana masing-masing sibuk mencari formula terbaik demi kepentingan orang Melayu dan Islam.

Seterusnya, hasil kajian mendapati perbezaan fahaman politik kepartian kawasan kajian turut dipengaruhi oleh faktor keluarga yang dari awal berpihak kepada sesebuah parti politik sahaja. Kecenderungan politik setiap individu berpunca dari pengaruh keluarga kerana dibesarkan dalam persekitaran politik yang diterima oleh keluarga mereka sendiri sehingga berkemungkinan besar turut mewarisi fahaman politik kepartian yang sama. Sebagai contoh, mereka berminat disebabkan dapat melihat dan menilai perbincangan berasaskan kepada ideologi parti politik di samping menerima pendapat terhadap isu politik yang berlaku dari kalangan keluarga sendiri. Situasi ini akan mempengaruhi pemikiran individu untuk sama-sama mempunyai fahaman politik kepartian yang menjurus kepada parti tertentu sahaja.

Di samping itu, kempen antara parti politik menjelang pilihan raya dalam menyampaikan agenda politik dianggap menimbulkan pemikiran pengundi yang signifikan terhadap fahaman politik kepartian. Menerusi kempen, parti-parti politik yang sudah mempunyai identiti sendiri mahupun yang baru akan menggambarkan masa depan kumpulan pengundi misalnya tampil dengan manifesto yang memberi jalan penyelesaian kepada masalah yang membelenggu masyarakat hari ini. Ini menyebabkan segelintir responden memilih parti politik yang dirasakan sesuai mengikut kepentingan masing-masing sehingga taksud kepada parti tertentu sahaja kerana tidak percaya kepada fahaman politik kepartian yang dianggap bertentangan dengan mereka.

Berikutnya, perbezaan fahaman politik kepartian juga dipengaruhi oleh pemimpin parti politik dimana berlaku pertikaian sesama mereka akibat mempertahankan kepentingan dan hak parti masing-masing. Hal ini kerana pertikaian pendapat dan perdebatan di antara parti pemerintah dan pembangkang boleh dikatakan berlaku sepanjang tahun seterusnya menjadi lebih hebat menjelang pilihan raya kecil serta kemuncaknya pada pilihan raya umum. Sebagai contoh, pertikaian pemimpin parti politik boleh berlaku dalam proses pembahagian kerusi pilihan raya. Oleh itu, sikap sebegini akan memaparkan isu perbezaan fahaman politik berlaku dengan ketara akibat dicituskan atas alasan tersendiri dan walaupun ia diterima sebagai amalan biasa dalam politik, khususnya dalam sistem demokrasi tetap memberikan pengaruh besar dalam mewujudkan suasana politik yang harmoni.

Menurut Dato' Haji Din Adam (Ketua UMNO Bahagian Dungun dan Calon BN Parlimen Dungun, Terengganu PRU-14), beliau menyatakan bahawa:

“Faktor yang menyebabkan wujud perbezaan fahaman politik kepartian ini adalah atas diri masing-masing. Hal ini kerana dalam apa-apa perkara sekalipun setiap orang mempunyai matlamat masing-masing dalam menjalani kehidupan mereka. Maka, mereka memilih berfahaman politik kepartian tertentu misalnya parti PAS kerana mungkin terpengaruh dengan perjuangan Islam atau sesuatu perkara yang menarik perhatian mereka untuk berpihak kepada parti tersebut sahaja. Jika dilihat secara holistik, UMNO mempunyai kelebihan memandangkan komponen perjuangannya memenuhi semua aspek termasuk agama, bangsa dan negara. Namun demikian, terserah kepada pandangan masing-masing bagaimana setiap parti politik ini boleh mewujudkan perbezaan fahaman politik kepartian dalam kalangan pengundi”.

(Dato' Haji Din Adam, 29 November 2020).

Menurut Encik Mohd Arfan Tahir (Pengerusi MPKK Jerangau, Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa:

“Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan adanya perbezaan fahaman politik kepartian ini iaitu salah satunya adalah taksu kepada pemimpin sesebuah parti politik tertentu. Pengundi mempunyai fahaman politik kepartian kerana ketaksuban dan setia kepada pemimpin dari parti politik tertentu tanpa melihat ia dapat memberi kebaikan atau tidak kepada negara. Selain itu, fahaman politik kepartian juga boleh wujud atas faktor keluarga kerana telah diasuh sejak kecil untuk berfahaman politik kepartian. Dari segi pemikiran pula, ia tidak dinafikan pada hari ini pemikiran masing-masing menjadi faktor wujudnya perbezaan ini memandangkan setiap orang mempunyai pendapat dan pandangan masing-masing atas sesuatu perkara. Maka, situasi inilah yang akan menimbulkan perselisihan pendapat masing-masing dalam berpolitik”.

(Encik Mohd Arfan Tahir, 9 Disember 2020).

5. Rumusan dan Cadangan

Sebagai kesimpulannya, perbezaan fahaman politik kepartian dalam kalangan pengundi didapati boleh mengganggu proses pembinaan negara ke tahap yang lebih baik. Majoriti responden yang disoal selidik juga berpendapat bahawa politik kepartian memberi kesan kepada pilihan politik kerana responden dapat memahami dan mampu menilai sendiri perjuangan atau matlamat yang diperjuangkan sesebuah parti politik yang akan dijadikan dasar kerajaan sekiranya menang dalam pilihan raya kelak. Kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya dan diharap menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku supaya lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat dengan lebih baik.

Rujukan

Afiqah Mior Kamarulbaid, Abd Rauf Ridzuan, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Efina Hamdan & Mohd Hilmi Bakar. (2015). Kesan Penggunaan Media Sosial Terhadap Perpaduan Ummah

- di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. *1st International Islamic Heritage Conference (ISHEC, 2015)*. Tempat: Hotel Mahkota Melaka. Perpustakaan Tun Abdul Razak: 620-626. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara Melaka. 11-12 November.
- Awang Azman Awang Pawi. (2020). Politik Perpaduan Penting Untuk Negara. SarawakVoice. <https://sarawakvoice.com/2020/02/03/politik-perpaduan-penting-untuk-negara/>. [5 November 2020].
- Azmah Abd. Manaf. (2013). Perkembangan politik dan kesannya ke atas pembangunan ekonomi Terengganu, antara tahun 1955 hingga 1969. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategy* 40: 133-154. <http://journalarticle.ukm.my/6532/>
- Daimin Ghazali. (2013). Peranan komunikasi visual dalam perpaduan Melayu. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu 2013*. Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPK), hlm 11-15.
- Din Adam (Ketua UMNO Bahagian dan Calon BN Parlimen Dungun). (2020). Perbezaan Fahaman Politik Kepartian Dalam Kalangan Pengundi di Kawasan DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Temu bual, 29 November.
- Gaziano, C. (2013). Knowledge gaps, belief gaps, ideology and culture wars. *Open Journal of Political Science* 3(4): 116-130. <http://dx.doi.org/10.4236/ojps.2013.34017>
- Ghazali Sulaiman (Penyelaras PAS dan Calon PAS DUN Bukit Besi). (2020). Perbezaan Fahaman Politik Kepartian Dalam Kalangan Pengundi di Kawasan DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Temu bual, 2 Disember.
- Harakahdaily. (2019). Politik bersih kerana nilai islam. <https://harakahdaily.net/index.php/2019/07/20/politik-bersih-kerana-nilai-islam/>. 20 Julai. [11 Mac 2021].
- James H. Bater, Andrei A. Degtyarev & Vladimir N. Amelin. (1995). Politics in Moscow: local issues, areas and governance. *Political Geography* 14(8): 665-687. <https://www.sciencedirect.com/>
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. (2019). UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH): Analisis Prestasi Dalam PRU 2018 dan Pasca PRU 2018. *Seminar Antarabangsa Ke-8 Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 8, 2019)*. Tempat: Ancasa Residences, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia. Anjuran bersama: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); & Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Dengan kerjasama: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia; & Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. 27-28 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faidz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Analisis Geografi Pilihan Raya Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016*. Theme: Innovation in Humanities and Social Sciences: Opportunities and Challenges” at The Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Faculty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince Of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.
- Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim (2017). Penggunaan media sosial dan faktor- faktor yang mempengaruhi terbentuknya gerakan sosial oleh pemimpin pelajar Universiti di

- Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 12(2): 87-101. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/20396/6435>
- Mior Kamarul Shahid. (2015). *Berita Harian Online*. Perbezaan Pendapat Cetus Konflik Politik. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/12/106094/perbezaan-pendapat-cetus-konflik-politik>. 18 Disember. [10 Oktober 2020].
- Mohd Mahadee Ismail. (2020). Dinamika Integrasi Politik Melalui Kerjasama Politik di Malaysia: Teras Kepada Tapak Integrasi Masyarakat Multi-Etnik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 47(3): 332-256. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/44783>
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: *Sage Publications*. Retrieved from <https://psycnet.apa.org/record/1990-97369-000>
- Rais Hussin. (2019). *MalaysiaKini*. Masalahnya bukan DAP, tetapi PH yang tak bersatu. <https://www.malaysiakini.com/news/468009>. 15 Mac. [25 Mac 2021].
- Sinar Harian. (2020). PH mahu pulih institusi negara, bukan angkat individu. <https://www.sinarharian.com.my/article/86052/KHAS/Pendapat/PH-mahu-pulih-institusi-negara-bukan-angkat-individu>. 3 Jun. [25 Mac 2021].
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahilah Omar, Azlizan Mat Enh & Russli Kamaruddin. (2020). Perkembangan Gerakan Islam PAS dan Perjuangan Dakwah di Kelantan, 1951 hingga 2000. *Journal of History of Department*, Universiti of Malaya 29 (1): 178-200. <http://ejournals.ukm.my/ebangi/issue/view/1269>